

30/09/2003

TV3 siar 6 siri dokumentari Mahathir

PUTRAJAYA: Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) kelmarin mula menyiarkan dokumentari bertajuk `Mahathir', satu program enam siri yang menyorot kisah hidup dan pengalaman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Program selama 30 minit yang disiarkan setiap Ahad jam 9 malam, kecuali episod terakhirnya selama satu jam yang akan disiarkan 2 November depan.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali semalam melancarkan program itu pada satu majlis khas di Hotel Shangri-la Putrajaya di sini.

Turut hadir anak-anak Perdana Menteri, Datuk Mokhzani, Datuk Mukhriz dan Mirzan bersama keluarga masing-masing.

Hadir sama, Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yacop; Pengerusi TV3, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail; dan Ketua Pegawai Eksekutif TV3, Datuk Farid Ridzuan.

Ketika berucap pada majlis itu, Syed Anwar berkata, TV3 menghargai keputusan Perdana Menteri untuk membenarkan saluran televisyen itu untuk menerbitkan program berkenaan.

"Kami juga berterima kasih kepada semua ahli keluarga, sahabat dan personaliti yang mengenali Perdana Menteri secara dekat kerana sudi ditemuramah untuk rancangan ini," katanya.

Syed Anwar berkata, bagi pihak TV3, beliau bangga kerana dapat menyiarkan program istimewa berbentuk dokumentari sejarah khusus untuk Dr Mahathir.

Ketika ditemui pemberita, Siti Hasmah berkata, beliau sekeluarga berterima kasih kepada TV3 dan seluruh rakyat Malaysia kerana memberi sokongan kepada Dr Mahathir sepanjang beliau berkhidmat sebagai ketua negara.

Secara keseluruhannya, program itu mengimbas kembali perjalanan hidup Dr Mahathir sejak dilahirkan sehingga saat beliau bertugas sebagai Perdana Menteri Malaysia. Turut dipaparkan kehidupan serta pengalaman suka duka yang dilalui Dr Mahathir.

Program `Mahathir' tidak mengambil perspektif menyanjung tetapi menceritakan perjalanan hidup seorang pemimpin Melayu yang hebat, berdasarkan fakta, dokumen, sejarah, wawancara dan hasil kerja penulisan Dr Mahathir sendiri.

Program itu diterbitkan oleh Sa'adullah Che Noor dan dibantu Mohd Azri Atan, Rishdy Mohd Rosli daripada Divisyen Berita dan Hal Ehwal Semasa, serta Pengarah Filem Azman Yahya.

Penaja utama bagi rancangan itu ialah Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), Telekom Malaysia Berhad, Kumpulan UEM, Kumpulan MMC, Tenaga Nasional Berhad dan Petronas.